

Dr M ditawarkan suarakan pendapat

BH-9/6/2006

PUCUK pimpinan tertinggi Pas semalam secara terbuka menawarkan 'pentas' kepada Tun Dr Mahathir Mohamad menyuarakan pandangannya kepada rakyat, jika Umno tidak bersedia berbuat demikian.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, sebagai sebuah negara demokrasi, bekas Perdana Menteri itu berhak memberi pendapat serta pandangan dan kerajaan mesti bersedia memberi pertimbangan terhadap sesetengah perkara diutarakan.

"Pas sedia beri pentas kepada Dr Mahathir jika Umno tak nak bagi pentas kepadanya.

"Ini bukan kita nak peralat Dr Mahathir dan Pas pernah beri pentas kepadanya ketika dipecat dari Umno oleh Tunku (Abdul Rahman) dan dia berjuang bersama Pas," katanya ketika ditemui pemberita pada Mukhtamar Tahunan Pas ke-52 di Kompleks Pas Kedah, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kritikan Dr Mahathir terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang disiarkan media semalam.

Abdul Hadi berkata, walaupun Dr Mahathir dari parti lain dan mempunyai pandangan berbeza, Pas selalu pembangkang bersikap terbuka dan menerima positif pandangan yang baik dan betul, malah mengakui

kehebatan beliau dalam politik nasional dan antarabangsa.

Katanya, Pas juga pernah bersama Dr Mahathir dalam isu Bosnia, negara Balkan, Palestin dan nuklear, malah sebelum menarik diri dari Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) ketika pemerintahan Dr Mahathir, sebahagian pandangan Pas juga diterima.

Sementara itu, di **KUALA NERANG**, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah menyifatkan has-

“Hasrat Pas untuk menang besar di Kedah dalam pilihan raya akan datang umpama mimpi pada siang hari

rat Pas untuk menawan negeri itu pada pilihan raya umum akan datang sebagai 'mimpi pada siang hari' kerana parti itu tidak akan mendapat sokongan rakyat yang sudah selesai bersama Barisan Nasional (BN).

Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata beliau yakin tiada sebab rakyat Kedah menerima Pas kerana parti itu tidak mampu melaksanakan pembangunan seperti yang dijanjikan.

"Pas sendiri tidak dapat menyelesaikan kemelut dalamannya apabila ramai ahli bawahan mengkritik pucuk pimpinan parti itu," katanya selepas melancarkan Hari Lanskap Peringkat Negeri di sini, semalam.

Mahdzir yang juga Menteri Besar berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung Pas, Datuk Kamarudin Jaafar dalam ucapan aluannya pada Mukhtamar Pas Pusat Ke-52 kelmarin yang menyebut pihaknya yakin parti itu mampu menawan Kedah pada pilihan raya umum akan datang.

Mahdzir Khalid

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah